

POLISI DAN PROSEDUR PENERBITAN JURNAL DALAM UTM

POLISI	: Penerbitan Jurnal Dalam UTM
NOMBOR POLISI	: UTM P.A
DILULUSKAN OLEH	: Senat UTM Bil.11 2013/2014
TARIKH KUATKUASA	: 1 Ogos 2014
SEMAKAN TERAKHIR	: 1 Ogos 2014 <small>(tarikh akhir semakan semula pada 1 Ogos 2017)</small>
PUSAT TANGGUNGJAWAB	: Penerbit UTM

SEKSYEN 1 – PENGENALAN

1.1 TUJUAN

Polisi ini bertujuan untuk memberikan garis panduan dan peraturan kepada fakulti dan CoE yang ingin menerbitkan jurnal baru. PTJ yang telah dikenal pasti untuk turut serta mengurus tadbir hal-hal berkaitan penerbitan ialah Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (CICT).

1.2 SKOP

Polisi ini terpakai kepada semua staf akademik dan penyelidik yang dilantik oleh Universiti

1.3 DEFINISI

Perkataan/Istilah	Definisi
UTM	Universiti Teknologi Malaysia
PTJ	Pusat Tanggungjawab
CICT	Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi
CoE	Centres of Excellence
PNM	Perpustakaan Negara Malaysia
ISSN/E-ISSN	International Standard Serial Number
OJS	Open Journal System
RA	Research Alliance

1.4 KONTEKS PERUNDANGAN

Merujuk kepada Kod Etika Profesional dan Akademik UTM, Garis Panduan Dasar Penerbitan Akademik, dan Akta Hak Cipta 1987.

SEKSYEN 2 – POLISI

2.1 PRINSIP

Universiti Teknologi Malaysia komited dalam meningkatkan kesedaran mengenai keseragaman penerbitan ilmiah, keupayaan menerbitkan ilmu yang unggul, memperkasa organisasi kearah budaya ilmu peringkat tinggi, penghasilan penerbitan tulen tanpa plagiat atau pemalsuan di kalangan pensyarah, penyelidik dan pelajar di peringkat prasiswazah dan pascasiswazah.

2.2 POLISI

Polisi ini juga dapat dijadikan sebagai garis panduan bagi membantu menggalakkan budaya ilmu yang berteraskan ketulenan dan mampu berdaya saing di peringkat global.

2.2.1 HARTA INTELEK

- i. Pengarang bertanggungjawab sepenuhnya dalam memartabatkan integriti dan etika penerbitan.
- ii. Pengarang bertanggungjawab dalam memastikan keaslian artikel yang diterbitkan.
- iii. Seorang penilai luar dan dua penilai dalam (UTM) akan dilantik bagi memperakukan penerbitan sebuah artikel.
- iv. Artikel yang ingin diterbitkan adalah bebas plagiat, bukan palsu, atau fabrikasi.
- v. Artikel mesti memenuhi dan mematuhi Undang-undang Hak Cipta.
- vi. Setiap artikel yang bakal diterbitkan mempunyai nombor siri ISSN/E-ISSN yang dikeluarkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM).

2.2.2 ARTIKEL

Artikel yang lengkap mengandungi elemen berikut:

- i. Artikel mestilah dilengkapi dengan nama penuh penulis, afiliasi, dan alamat email corresponding author.
- ii. Penulisan artikel secara bersama hendaklah tidak melebihi lima penulis sahaja.
- iii. Abstrak dwibahasa, anggaran 200 patah perkataan dan dilengkapi dengan lima kata kunci.
- iv. Pengisian teks mencakupi empat (4) elemen utama, iaitu Pengenalan, Metodologi, Keputusan dan Perbincangan, serta Kesimpulan.
- v. Setiap artikel mestilah dilengkapi dengan sumber rujukan sebagai penutup.

2.2.3 BERASASKAN PENYELIDIKAN

Artikel perlu mempunyai tahap ilmiah yang berkualiti berasaskan:

- i. News and Updates
- ii. Letters
- iii. Research Articles
- iv. Reviews
- v. Methods and Protocols
- vi. Software, Database and Datasets

Sumber bahan penerbitan/artikel adalah daripada Projek Sarjana Muda (20%) dan tesis sarjana/Ph.D (80%) yang dihasilkan setiap tahun di UTM

2.2.4 AKTIVITI PEMASARAN

- i. Penerbit UTM Press bertanggungjawab memasarkan/mempromosi jurnal-jurnal dalam UTM.
- ii. Mewujudkan mekanisme pembelian jurnal dan artikel secara atas talian (online)

2.2.5 STRATEGI PELAKSANAAN

Pemusatan Pengurusan Jurnal

- i. Jurnal-jurnal sedia ada di UTM dipusatkan di Penerbit UTM Press agar pengurusannya lebih terancang dan holistik.
- ii. Permohonan untuk mewujudkan jurnal baru hendaklah melalui Penerbit UTM Press.
- iii. Mensasarkan jurnal-jurnal baru UTM diindeks oleh SCOPUS selepas tiga (3) tahun dan ISI selepas lima (5) tahun.

Sistem Open Journal System (OJS)

- i. Menyediakan prasarana Open Journal System (OJS) untuk semua jurnal-jurnal UTM dengan kerjasama Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi UTM (CICT) menggunakan URL rasmi UTM (utm.my).
- ii. Sistem ini menangani proses perolehan artikel, penilaian, penyuntingan sehinggalah penerbitan secara dalam talian.

Business Model

- i. Mengenakan bayaran berpatutan untuk penerbitan special issue sama ada daripada seminar/persidangan.
- ii. Menerbitkan special issue terbitan penganjur yang bertauliah seperti organisasi/persatuan yang diiktiraf oleh Universiti awam, swasta, IPT atau kerajaan.
- iii. Mensyaratkan setiap RA/COE/Fakulti menerbitkan special issue yang dikumpul daripada seminar/persidangan setiap tahun.

SEKSYEN 3 – PROSEDUR

	Langkah / Prosedur	Tanggungjawab
1.0	Penerbitan jurnal-jurnal Dalam UTM	
1.1	Tanggungjawab fakulti/COE/RA	
	1.1.1 Setiap permohonan untuk menerbitkan jurnal baru hendaklah dikemukakan kepada Penerbit UTM Press.	Fakulti/COE/RA
	1.1.2 Mengguna pakai sistem OJS.	
	1.1.3 Penerbitan dengan kadar kekerapan 2/3 kali setahun (min artikel 10 untuk setiap isu).	
	1.1.4 Menasarkan pengindeksan oleh SCOPUS selepas tiga (3) tahun dan ISI selepas lima (5) tahun.	
2.0	Tanggungjawab Pentadbir	
2.1	Penerbit UTM Press	Penerbit UTM Press/CICT
	1.1.1 Membuat permohonan ISSN/E-ISSN kepada pihak PNM	
	1.1.2 Membuat permohonan kepada pihak CICT untuk penyediaan ruang maya bagi pembangunan sistem OJS	
	1.1.3 Memantau perkembangan jurnal-jurnal baru dan menyediakan khidmat nasihat ke arah pengindeksan SCOPUS	

3.1 KERANGKA TUGAS PENTADBIR

3.1.1 Penerbit UTM Press

Merupakan pelaksana kepada penerbitan jurnal-jurnal dalam UTM, iaitu menguruskan permohonan ISSN/E-ISSN, bekerjasama dengan CICT untuk pembangunan portal OJS dan memantau perkembangan penerbitan jurnal dalam UTM.

3.1.2 Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi

Pusat pentadbiran yang menyokong urusan teknikal dengan menyediakan kemudahan ruang maya bagi pembangunan sistem OJS dan meyelenggara permasalahan dan penambahbaikan system OJS.

3.2 DOKUMEN SOKONGAN

- i. Kod Etika Profesional dan Akademik UTM
- ii. Garis Panduan Dasar Penerbitan Akademik
- iii. Akta Hak Cipta 1987
- iv. Borang Permohonan ISSN/E-ISSN (PNM.PK(O)PBN.02(B3))

SEKSYEN 4 – GOVERNANS

4.1 TANGGUNGJAWAB

Pengurus Polisi	<ol style="list-style-type: none">i. Pengarah Penerbit UTM Pressii. Ketua Sub-Unit Jurnal
------------------------	--

4.2 KAWALAN VERSI DAN KRONOLOGI PERUBAHAN

Nombor Versi	Tarikh diluluskan	Diluluskan oleh	Pindaan
Baru	9 Julai 2014	Senat UTM	